

# Penyata Ketua Pegawai Eksekutif



*Tajuddin Atan*

**Dato' Tajuddin Atan**  
Ketua Pegawai Eksekutif

## Para Pemegang Saham,

Sebagai “pasaran yang sedang mara”, Bursa Malaysia berkedudukan teguh untuk memanfaatkan banyak peluang yang tersedia pada tahun 2013. Rangka Tindakan Strategik 2011-2013 kami telah membantu kami untuk kekal pada landasan yang betul dan mencapai prestasi kewangan dan operasi yang lebih mantap. Ketika banyak inisiatif yang digariskan dalam Rangka Kerja tersebut mula membuahkan hasil, kami mengorak langkah ke hadapan dengan lebih teguh. Kini, peranan Bursa Malaysia sebagai bursa yang berintegrasi di samping sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bagi pasaran modal Malaysia telah diperkukuhkan. Tambahan pula, asas-asas kini telah dibina untuk menyerlahkan lagi potensi kami.

### 2011- 2013: ANJAKAN KETARA DALAM TRAJEKTORI PERTUMBUHAN

Ketika kami telah menetapkan sasaran untuk menyerlahkan potensi masa hadapan kami, izinkan saya memberikan perspektif mengenai usaha-usaha yang telah dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun terakhir di bawah Rangka Tindakan Strategik 2011-2013 kami yang telah mengukuhkan asas dan kedudukan kami bagi pertumbuhan masa hadapan.

Rangka Tindakan yang telah kami perkenalkan pada 2011 telah membawa kepada hasil berikut:

- la menyusun atur bidang tumpuan baharu dan memberikan Bursa dorongan baharu yang dengan jelas telah membawa kepada perubahan ketara dalam prestasi keseluruhan kami;
- la membawa kepada penambahbaikan dalam kualiti dan kecekapan perkhidmatan kami, peningkatan kepada rangka kerja pengawalseliaan kami dan peluasan penawaran produk kami;
- la juga menyaksikan kami meningkatkan pelaburan kami dalam modal insan dan teknologi serta mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan.

Hasilnya, Bursa Malaysia kini mempunyai persekitaran dagangan yang lebih mudah, ekosistem bursa yang dipertingkatkan dan kelebihan daya saing yang lebih baik. Tambahan pula, kami semakin hampir untuk mencapai matlamat kami untuk menjadi Organisasi Berprestasi Tinggi (HPO).

Usaha-usaha kami setakat ini telah memantapkan kedudukan kami sebagai bursa kedua terbesar di ASEAN dan mendorong kami untuk menjadi semakin hampir kepada matlamat kami untuk menjadi bursa pilihan di rantau ini. Namun, kami tidak akan mudah berpuas hati dan akan terus mengambil kesempatan ke atas asas kukuh yang telah dibina untuk merealisasikan potensi kami dengan lebih lanjut.

## PENCAPAIAN 2013

- ✓ PRESTASI KEWANGAN TERBAIK SEJAK 2008 DENGAN PATAMI TERTINGGI SEBANYAK RM173 JUTA
- ✓ PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR DENGAN PELANCARAN JENTERA DAGANGAN BAHARU
- ✓ PENINGKATAN STRUKTUR MIKRO PASARAN DENGAN PENAMBAHBAIKAN JUALAN SINGKAT BERPERATURAN DAN PEMINJAMAN DAN PEMBERIAN PINJAMAN SEKURITI, eRIGHTS, ePENYATA CDS, DAN POLISI LALUAN HIJAU
- ✓ PELUASAN RANGKAIAN PRODUK DENGAN PENGENALAN KONTRAK NIAGA HADAPAN EMAS, BON/SUKUK DAGANGAN BURSA DAN SEKURITI TERCANTUM
- ✓ PENGUKUHAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

KETIKA KAMI BERUSAHA UNTUK MENCORAKKAN SEMULA DIRI KAMI DAN MENGUKUHKAN KEMAMPUAN KAMI,

## KAMI MENGALAMI ANJAKAN YANG KETARA DALAM TRAJEKTORI PERTUMBUHAN:


- Purata tiga tahun **PATAMI MENINGKAT 48%** DARIPADA RM105.0 JUTA (2008-2010) KEPADA RM155.6 JUTA (2011-2013)
- PURATA TIGA TAHUN **NISBAH KOS KE ATAS PENDAPATAN MENINGKAT 6 MATA PERATUSAN** DARIPADA 56% (2008-2010) KEPADA 50% (2011-2013)

### MASIH MENCARI YANG TERBAIK

Beberapa perkembangan menarik yang menguntungkan kami telah pun berlaku untuk memastikan kami memanfaatkan sepenuhnya potensi kami sebagai sebuah bursa.

### KEBANGKITAN ASEAN

Pertumbuhan dinamik ASEAN sememangnya merupakan petanda baik bagi Bursa Malaysia. Ketika ini, kesemua 10 daripada ekonomi ASEAN dengan kadar pertumbuhan yang tinggi dan mampan sedang berada dalam zaman keemasan. Secara keseluruhan, negara-negara ini mempunyai jumlah penduduk seramai lebih daripada 600 juta orang - lebih besar daripada jumlah gabungan penduduk kedua-dua US dan Jepun.



Sumber: ASEANstats

Pada 2012, negara-negara ASEAN mencatatkan gabungan KDNK sebanyak lebih daripada US\$2.3 trilion dan prestasi ekonomi rantau ini terus mengatasi rantau lain di dunia. Asian Development Bank menjangkakan bahawa KDNK negara-negara ASEAN akan berkembang sebanyak 5.3% pada 2013 dan 5.6% pada 2014.

Menjelang 31 Disember 2015, semuanya akan terencana apabila pelbagai ekonomi ASEAN yang berbeza bersatu menjadi satu pasaran tunggal dengan asas dagangan, pelaburan dan pengeluaran yang sama di bawah konsep Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Memandangkan kadar pertumbuhan purata tahunan rantau ini yang memberangsangkan sebanyak 5.5% sepanjang 13 tahun lampau, AEC akan membentuk peluang pelaburan yang utama.

### KEDUDUKAN KAMI SEBAGAI PASARAN MULTINASIONAL ASEAN

Kami telah menghabiskan beberapa tahun yang lalu untuk memantapkan kedudukan kami sebagai usul pelaburan yang relevan, inovatif dan menarik. Sebagai "Pasaran Multinasional ASEAN", Bursa Malaysia berkedudukan baik sebagai pintu masuk pilihan dan pasaran utama bagi komuniti pelaburan

antarabangsa melabur dalam peluang pertumbuhan yang ditawarkan oleh ASEAN.

Pelabur yang melabur dalam Bursa Malaysia ketika ini pada hakikatnya sedang melabur dalam pertumbuhan masa hadapan ASEAN. Mengambil kira minat pelabur yang ditunjukkan setakat ini, kami yakin akan dapat mempergiatkan penembusan kemajuan ini dengan lebih lanjut.

Satu lagi fenomena yang memihak kepada kami ialah peningkatan bilangan syarikat awam tersenarai (PLC) Malaysia yang sedang beralih menjadi syarikat multinasional dengan kedudukan yang kukuh merentasi ASEAN. Untuk sekian lama, syarikat-syarikat tersenarai ini telah memanfaatkan banyak peluang yang tersedia dalam pasaran dan kecekapan pasaran kita untuk meluaskan capaian mereka kepada pelabur-pelabur serantau.

Hari ini, syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia merupakan 24% daripada 40 permodalan pasaran FTSE ASEAN manakala syarikat-syarikat FBM KLCI kami menjana 45% daripada hasil mereka dari luar negara dan memberikan antara hasil dividen tertinggi di ASEAN pada kadar 3.3%.

### PASARAN YANG PELBAGAI

Pasaran kami yang pelbagai juga terus menarik pelabur. Bursa Malaysia kini mempunyai syarikat-syarikat tersenarai dari pelbagai sektor serta rangkaian produk yang luas yang menawarkan pendedahan yang seimbang kepada ekonomi global kepada pelabur. Banyak daripada syarikat multinasional terbesar kami yang merupakan peneraju pasaran ASEAN dengan pencapaian prestasi yang tinggi adalah merentasi 60 sektor ekonomi utama seperti Perladangan, Kewangan, Minyak & Gas dan Pembinaan. Penawaran yang pelbagai ini menyediakan rangkaian pilihan pelaburan yang unik bagi pelabur global yang sedang mencari peluang untuk mengambil kesempatan ke atas pertumbuhan ASEAN.

Dengan nisbah permodalan pasaran berbanding keluaran dalam negara kasar sebanyak 154%, Malaysia mempunyai nisbah yang kedua tertinggi antara bursa ASEAN yang setaraf yang mencerminkan keluasan, kepelbagaian dan kualiti syarikat-syarikat tersenarai kami. Dengan kira-kira 218 atau 23% daripada jumlah bilangan PLC kami mempunyai permodalan pasaran melebihi RM500 juta, rangkaian produk boleh dilabur bagi pengurus dana antarabangsa turut meningkat.

**PASARAN YANG MAMPAN**

Malaysia kini sedang mengalami penggiatan semula dalam pelaburan dan ini dijangka akan terus meningkat. Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) terus menghasilkan saluran pelaburan yang kukuh, merangsang pertumbuhan permintaan domestik dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif bagi PLC Malaysia untuk berkembang.

Permintaan domestik juga dijangka akan berkembang maju sehingga tahun 2020 hasil daripada perbelanjaan pengguna oleh generasi peledakan bayi yang lahir antara tahun 1979 hingga 1989. Malaysia merupakan salah satu negara yang akan mempunyai pertumbuhan bilangan penduduk bekerja pada kadar yang paling pantas di dunia antara sekarang dan tahun 2020. Tambahan pula, kadar simpanan Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia dan kita mempunyai kumpulan modal yang mampan untuk membiayai pertumbuhan domestik.

Dengan menyemai langkah-langkah tadbir urus yang kukuh, membangunkan penawaran produk dan perkhidmatan yang inovatif, serta menggalakkan saluran IPO yang sihat, antara pelbagai inisiatif lain, Bursa Malaysia sedang melengkapsi usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk memastikan pasaran Malaysia teguh dan mampan.

Kami yakin bahawa apabila perkembangan di ASEAN dan pasaran kami mula mendapat perhatian, kedudukan Bursa Malaysia sebagai pasaran multinasional yang pelbagai dan mampan akan menjadi lebih kukuh.

Prestasi kami yang baik pada 2013 sememangnya membantu untuk mengesahkan lagi kedudukan kami sebagai 'pasaran yang sedang mara' yang relevan, inovatif dan menarik.

**PRESTASI MEMBERANGSANGKAN**

2013 sememangnya merupakan satu tahun yang penuh dengan pencapaian bagi Bursa Malaysia. Dengan untung selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM173.1 juta, nisbah kos ke atas pendapatan sebanyak 48.3% dan pulangan atas ekuiti (ROE) sebanyak 20.7%, kami telah memberikan prestasi kewangan yang terbaik sejak 2008. Bilangan dagangan di Pasaran Sekuriti dan Derivatif, serta Bursa Suq Al-Sila' (BSAS), menyaksikan pertumbuhan dua digit berbanding tahun sebelumnya dan melonjakkan PATAMI sebanyak 15% berbanding PATAMI sebanyak RM150.6 juta pada 2012. Sepanjang 2013, kami juga telah mengukuhkan infrastruktur kami dan memperkenalkan beberapa produk baharu. Selain itu, kami mengorak langkah ke hadapan dengan lebih kukuh dan kini semakin hampir menyempurnakan pengemaskinian semula sistem teras kami.

**Sorotan Kewangan**

	2013	2012	
<b>Keputusan Kewangan</b>	<b>RM juta</b>	<b>RM juta</b>	<b>% Perubahan</b>
Hasil Operasi	439.8	388.5	+13%
Pendapatan Lain	35.2	36.1	-3%
Perbelanjaan Operasi	(229.4)	(209.2)	+10%
Untung sebelum Cukai	245.6	215.3	+14%
Perbelanjaan Cukai Pendapatan	(66.2)	(58.5)	+13%
Untung selepas Cukai	179.4	156.9	+14%
Kepentingan Minoriti	(6.3)	(6.3)	-
PATAMI	173.1	150.6	+15%
<b>Nisbah Kewangan</b>			
Nisbah Kos ke atas Pendapatan	48.3%	49.3%	-2%
Pulangan atas Ekuiti	20.7%	17.7%	+17%

**PERTUMBUHAN 13% DALAM HASIL OPERASI; DAGANGAN LEBIH TINGGI DALAM SEMUA PASARAN**

Hasil operasi Bursa Malaysia meningkat kepada RM439.8 juta pada 2013 daripada RM388.5 juta pada 2012. Ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan dalam hasil dagangan sekuriti, derivatif dan BSAS.

Tahun ini menyaksikan hasil dagangan sekuriti kami meningkat sebanyak 22% kepada RM217.3 juta pada 2013. Aktiviti dagangan adalah tinggi disebabkan tindak balas pelabur terhadap berita mengenai politik tempatan dan ketidaktentuan peringkat global. Penyertaan yang lebih banyak dicatatkan oleh kedua-dua institusi domestik dan asing dalam pasaran kami dengan nilai dagangan bertumbuh sebanyak 22% dan 27% masing-masing. Sementara itu, penyertaan runcit tumbuh sebanyak 21%.


Hasil dagangan derivatif meningkat sebanyak 11% kepada RM70.3 juta pada 2013. Pertumbuhan dalam dagangan adalah sebahagian besarnya disebabkan kepentingan asing yang lebih tinggi dalam pasaran kami. Bilangan dagangan oleh institusi asing tumbuh sebanyak 32% pada 2013, manakala penyertaan mereka dalam pasaran meningkat kepada 42% pada 2013 daripada 36% pada 2012.

Hasil dagangan BSAS turut meningkat sebanyak 70% kepada RM5.8 juta pada 2013. Dagangan domestik bertumbuh sebanyak 77% manakala dagangan asing bertumbuh sebanyak 56%.



# SOROTAN KEWANGAN


**PATAMI**




**NISBAH KOS KE ATAS PENDAPATAN**




**ROE**



**DIVIDEN**



## Hasil Operasi (RM juta)



## PERTUMBUHAN 10% PERBELANJAAN OPERASI; PELABURAN BAGI MASA HADAPAN


Tahun ini menyaksikan perbelanjaan operasi kami meningkat kepada RM229.4 juta daripada RM209.2 juta pada 2012. Perbelanjaan tahun ini bertumpu kepada pengukuhan tenaga kerja yang berkepakaran bagi menaikkan status Bursa kepada sebuah HPO. Bagi matlamat tersebut, kami melabur dalam pakej ganjaran yang berdaya saing untuk mengekalkan kumpulan kakitangan atasan dan membawa masuk bakat baharu untuk merapatkan jurang kepakaran. Hasilnya, kos modal insan kami meningkat sebanyak 18% kepada RM120.0 juta.

Kos teknologi kami merangkumi susut nilai dan penyelenggaraan sistem, serta yuran perkhidmatan Globex. Penambahbaikan kepada sistem teras kami pada 2013 meningkatkan kos susut nilai dan penyelenggaraan sebanyak 8% kepada RM45.4 juta, manakala bilangan kontrak derivatif yang lebih banyak didagangkan di Globex meningkatkan yuran perkhidmatan sebanyak 16% kepada RM15.8 juta.

## PENGEMASKINIAN SEMULA TEKNOLOGI BERJAYA DISEMPURNAKAN

Pada 2011, kami telah memulakan pengemaskinian semula sistem teras dagangan, penjelasan dan pengawalseliaan kami. Penggantian jentera dagangan sekuriti lama kami dengan Bursa Trade Securities 2 pada Disember 2013 merupakan mercu tanda yang penting ke arah pelaksanaan program pengemaskinian semula teknologi tersebut.

## Perbelanjaan Operasi (RM juta)



## MEMULANGKAN NILAI KEPADA PEMEGANG SAHAM DENGAN DIVIDEN SEBANYAK 52 SEN

Untuk meraikan prestasi kewangan 2013 yang memberangsangkan dan dengan pengemaskinian semula teknologi kami yang hampir selesai, kami telah mencadangkan untuk memulangkan 98.5% daripada PATAMI 2013 kepada pemegang saham kami. Selain itu, kami turut membayar dividen khas sebanyak 20 sen setiap saham pada Ogos 2013. Jika dividen akhir sebanyak 16 sen setiap saham diluluskan pada AGM Syarikat pada Mac 2014, pemegang saham kami akan diberi ganjaran dengan jumlah dividen sebanyak 52 sen setiap saham, mewakili 6.3% kadar hasil dividen.

## PRESTASI SEGMENT

Dalam tahun kewangan di bawah semakan, segmen utama Pasaran Sekuriti dan Derivatif kami menunjukkan kemajuan yang baik, manakala Pasaran Islam dan Alternatif kami mula memberikan sumbangan positif kepada keuntungan kami.

## Untung Segmen

	2013 RM juta	2012 RM juta	% Perubahan
Untung Segmen daripada:			
Pasaran Sekuriti	256.8	223.2	+15%
Pasaran Derivatif	44.6	42.2	+6%
Pasaran Islam dan Alternatif	0.9	(0.6)	+253%
Pemegang Bursa	3.7	5.8	-36%
Jumlah Untung Segmen	306.0	270.7	+13%
Overhed	(60.4)	(55.3)	+9%
Untung sebelum Cukai	245.6	215.3	+14%

## MEMPERTAHANKAN INTEGRITI PASARAN

Bursa Malaysia berkewajipan untuk memastikan pasaran yang teratur dan saksama berhubung kontrak sekuriti dan derivatif yang didagangkan melalui kemudahan kami, serta sekuriti yang dideposit atau diserahkan dengan depository pusat. Kami juga berkewajipan untuk memastikan pengaturan penjelasan dan penyelesaian yang teratur dan cekap bagi sebarang transaksi dalam kontrak sekuriti dan derivatif yang dijelaskan atau diselesaikan melalui kemudahan kami. Dalam apa saja yang kami laksanakan, kami perlu bertindak demi kepentingan awam, terutamanya berhubung dengan aspek perlindungan pelabur.

Pada 2013, kami terus melaksanakan pelbagai langkah untuk mempertahankan integriti pasaran dan memastikan pasaran kami dikendalikan dengan cara yang saksama, teratur dan telus. Sebagai cara untuk menambahbaik rangka kerja pengawalseliaan kami, kami terus mengguna pakai pendekatan lima serampang yang melibatkan pembangunan pengawalan, penyeliaan, penglibatan, penguatkuasaan dan pendidikan pemegang kepentingan. Dengan mengukuhkan bidang ini secara proaktif, kami menggalakkan kecekapan, pertumbuhan dan ketelusan dalam pasaran kami.

## MEMASTIKAN INFRASTRUKTUR YANG SELAMAT

Pelbagai dasar dan kawalan telah diwujudkan di Bursa untuk mempertahankan keselamatan sistem dan perlindungan data. Ini termasuk Dasar Keselamatan IT serta dasar berkaitan e-mel, internet dan kerahsiaan data. Inisiatif lain seperti akses fizikal terhad bagi kawasan sulit serta akses logikal bagi kata laluan dan ID pengguna turut membentuk sebahagian daripada langkah perlindungan sistem dan data kami. Selain itu, kami mempunyai kawalan ke atas ID khas untuk mengakses sistem dan prosedur kawalan tukaran untuk menguruskan pindaan data dalam sistem kami.

Kami juga melaksanakan beberapa langkah pencegahan serangan siber. Alatan keselamatan ini bagi mengesan dan menghalang ancaman siber merupakan perlindungan tambahan terhadap serangan Penafian Perkhidmatan Teragih (Distributed Denial of Service, DDOS) dan membantu mengukuhkan bahagian akses internet kami yang menunjukkan kelemahan. Matlamat muktamadnya adalah untuk mencegah gangguan perniagaan terhadap perkhidmatan internet Bursa Malaysia serta mengurangkan kehilangan data kritikal dan potensi masa rosak atau pengurangan ketersediaan sistem kritikal kami berikutan serangan siber.

Pada 2013, sistem dagangan sekuriti kami mencapai masa operasi 100% apabila kami bertukar kepada jentera dagangan yang baharu, BTS2 pada 2 Disember. Begitu juga bagi Pasaran Derivatif, sistem dagangan Globex mencapai masa operasi 100% bagi semua produk derivatif kami.

## KOMITED KEPADA PENGATURAN PENJELASAN, PENYELESAIAN DAN DEPOSITORY YANG TERATUR DAN CEKAP

Kami komited untuk mematuhi piawaian antarabangsa tentang pengurusan risiko seperti yang dinyatakan dalam Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan (PFMI) yang dibangunkan oleh Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). Piawaian ini memastikan rangka kerja pengurusan risiko yang teguh yang mengurangkan risiko penyelesaian dan dengan itu mengesahkan kemampuan pusat penjelasan untuk menjamin penyelesaian dagangan.

Dengan memasukkan piawaian PFMI ke dalam rangka kerja pengurusan risiko, kami mengesahkan reputasi Malaysia sebagai destinasi yang selamat bagi pelaburan (Malaysia diletakkan pada kedudukan ke-4 bagi Perlindungan Pelabur oleh World Bank dan World Economic Forum). Ini seterusnya akan membantu memastikan Bursa berkedudukan baik untuk merebut pelbagai peluang yang berpotensi dan pada masa yang sama menangani cabaran dagangan merentasi sempadan yang ditimbulkan oleh Rangkaian Dagangan ASEAN.

Gambaran keseluruhan fungsi pengurusan risiko Bursa Malaysia menurut piawaian PFMI untuk menguruskan risiko sistemik ditunjukkan di bawah.

### Fungsi Teras Pengurusan Risiko (RM)



Pada 2013, kami terus mempertingkatkan kemampuan pengurusan risiko kami dengan mengusahakan beberapa langkah untuk mematuhi piawaian pengurusan risiko antarabangsa yang ketat bagi infrastruktur penjelasan yang ditetapkan oleh IOSCO, terutamanya dalam bahagian rangka kerja risiko kecairan dan kecukupan Dana Jaminan Penjelasan. SC dan pasaran modal Malaysia adalah antara yang pertama di dunia dinilai oleh Tabung Kewangan Antarabangsa dan World Bank di bawah piawaian global yang ketat ini yang termasuk prinsip-prinsip IOSCO, amalan terbaik PFMI dan metodologi penilaian yang telah disemak secara menyeluruh. Laporan penilaian akhir telah diterbitkan pada Mac 2013.

Program Penilaian Sektor Kewangan (FSAP) melaporkan bahawa Bursa Malaysia Securities Clearing telah mematuhi secara umum semua piawaian PFMI, dengan pengecualian Prinsip Enam (Margin) yang masih sedang dibangunkan. Berhubung Bursa Malaysia Depository, FSAP mengesahkan bahawa ia telah mematuhi semua prinsip PFMI. Bursa Malaysia Derivatives Clearing (BMDC) ditarafkan sebagai mematuhi 17 prinsip dan mematuhi secara umum empat yang lain, manakala tiga prinsip yang selebihnya tidak terpakai ke atas BMDC.

## Penyata Ketua Pegawai Eksekutif

### KE ARAH ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

Selari dengan visi kami untuk menjadi Pasaran Multinasional ASEAN, kami telah menetapkan sasaran kami untuk berubah menjadi sebuah HPO. Untuk mencapai ini, kami terus menarik, mengekalkan dan membangunkan, tenaga kerja yang berbakat dengan prestasi kerja tinggi untuk meneroka peluang sedia ada dan pada masa hadapan.

Kesungguhan kami untuk menjadi sebuah HPO telah mendatangkan kesan penting ke atas penyempurnaan projek, dengan jumlah bilangan projek yang disiapkan mencapai 43 sepanjang 2011-2013 berbanding 18 sepanjang tempoh 2008-2010.

Kami telah berjaya mengukuhkan kemampuan kami untuk menyempurnakan projek hasil daripada piawaian tadbir urus yang lebih tinggi serta penginstitutionan piawaian dan kaedah dengan projek disiapkan mengikut jadual dan menurut bajet.

Selain daripada pencapaian penyempurnaan projek kami, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif lain yang bertujuan untuk mengubah Bursa menjadi sebuah HPO. Ini termasuk pelaksanaan Rangka Kerja Perancangan Perniagaan dan Pengurusan Prestasi yang dipertingkatkan, Rangka Kerja Pengurusan Modal Insan yang ditambahbaik dan nilai 3D [iaitu, Dynamic(Dinamik), Driven (Terdorong) dan Dependable (Keboleharapan)] kami. Kami juga telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengukuhkan identiti korporat kami.

Untuk memastikan kakitangan kami menjalankan tugas pada tahap optimum dan mempunyai kesedaran terhadap perkembangan pesat yang sedang berlangsung dalam Bursa, kami kerap berhubung dengan mereka melalui pelbagai platform. Salah satu platform yang digunakan ialah Bicara CEO yang melibatkan siri sesi bual bicara untuk memaklumkan kakitangan tentang perkembangan terkini kemajuan kami. Dua sesi telah diadakan pada 2013 di mana kami telah berkongsi tentang prestasi dan aspirasi syarikat serta mengesahkan kepentingan nilai teras kami dan keperluan untuk mempunyai pemikiran global.

### MELANGKAH KE HADAPAN

Kami merupakan pasaran yang sedang mara dan ketika kami maju ke hadapan memasuki tahun kewangan yang baharu, kami telah menaikkan tahap sasaran kami dengan Pelan Perniagaan 2014-2016 kami. Teras Pelan Perniagaan ini ialah tumpuan ke arah memastikan pasaran yang saksama dan teratur dipacu oleh organisasi berprestasi tinggi serta tumpuan ke arah memastikan Bursa mengesahkan kedudukannya sebagai Pasaran Multinasional ASEAN.

Pelan Perniagaan kami memerlukan “Penghasilan Nilai” daripada kekuatan sedia ada kami dan transformasi berterusan sepanjang tempoh tiga tahun. Ini, digabungkan dengan pelaburan dalam peluang baharu dalam industri yang sedang berubah, akan membolehkan kami untuk “Membina bagi Masa Hadapan”.

Melalui inisiatif Penghasilan Nilai, kami akan berusaha untuk memperoleh nilai daripada projek-projek yang telah disiapkan dan mengambil kesempatan daripada kecairan domestik, pertumbuhan ASEAN dan struktur mikro yang bertambah baik.

Melalui inisiatif Membina bagi Masa Hadapan, kami akan melabur dalam dan melaksanakan projek-projek baharu yang pertamanya akan menjadikan kami bertambah relevan dalam landskap kewangan dan pengawalseliaan ASEAN yang pantas berubah dan keduanya melibatkan penyertaan kami dalam pasaran baharu yang mengambil kesempatan ke atas bidang pertumbuhan kami.

Semua pasaran kami telah ditugaskan dengan matlamat yang khusus melangkah ke hadapan:

- Tumpuan Pasaran Sekuriti adalah untuk memperbaiki tenaga pasaran di samping menyediakan pelbagai produk boleh dilabur kepada pasaran;
- Pasaran Derivatif akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan bilangan dagangan melalui kepelbagaian produk dan mengantarabangsakan lagi pasaran; dan
- Pasaran Islam dan Alternatif akan memberi tumpuan untuk mempertingkatkan kedudukan kami sebagai peneraju dalam pasaran modal Islam.


Inisiatif-inisiatif yang telah kami laksanakan semasa tiga tahun lampau ini telah banyak mengukuhkan prestasi kami. Ketika kami menetapkan matlamat kami untuk melaksanakan Pelan Perniagaan 2014-2016 kami, kami akan mengambil kesempatan ke atas Rangka Kerja Prestasi dan Modal Insan kami yang kukuh untuk terus menambahbaik prestasi kewangan dan operasi kami serta memberikan nilai pemegang saham yang konsisten.

Beberapa inisiatif lain yang sedang kami rancang akan membantu untuk memantapkan kedudukan kami sebagai destinasi pelaburan yang menarik.


Ketika kami berusaha untuk memperbaiki kualiti dan kuantiti penglibatan runcit kami, kami memberi tumpuan kepada saluran inovatif dan praktikal seperti platform digital untuk meluaskan capaian kami. Pelancaran platform *eCommunity* kami yang baharu pada separuh pertama 2014 akan membolehkan kami untuk mencapai jangkauan pelabur runcit yang lebih luas, dengan cara yang lebih pantas dan lebih berkesan. Pasaran runcit akan berupaya untuk berinteraksi dengan kami dengan cara yang mudah dan berkesandi samping mengambil kesempatan ke atas pelbagai ciri atas talian yang menarik yang direka untuk mendidik pelabur runcit baharu dan sedia ada.

Produk seperti Indeks Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) mempunyai potensi yang besar dan sedia untuk menarik Pelaburan Bertanggungjawab secara Sosial (dianggarkan pada USD34 trilion) daripada serata dunia. Walaupun Indeks ESG masih dalam pelaksanaan, kami yakin pasaran sudah sedia untuk menerima inisiatif ini berikutan penerimaan keperluan penapisan pematuhan Syariah dan keperluan pelaporan tanggungjawab korporat, serta pemprofilan melalui Siri Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia.

#### Tumpuan 1: Penghasilan Nilai



#### Tumpuan 2: Membina bagi Masa Hadapan



## UCAPAN TERIMA KASIH

Dalam tempoh saya berkhidmat bersama lembaga pengarah Bursa Malaysia selama tiga tahun terakhir ini, saya telah menyaksikan Bursa melalui transformasi yang ketara dan membuat kemajuan penting dari segi kewangan dan organisasi. Bursa telah berkembang dan semakin mantap dan kini sekali lagi kami berdiri sama taraf dengan bursa-bursa lain sebagai pasaran yang pelbagai, mampan dan memberikan nilai secara konsisten kepada pelabur kami.

Bagi pihak Pengurusan Bursa, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pemegang kepentingan kami – pemegang saham kami, pengawal selia, Kerajaan Malaysia, pelabur, rakan kongsi dan rakan-rakan – bagi sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi dan keyakinan mereka terhadap kami. Penghargaan ikhlas saya juga kepada Lembaga Pengarah kami atas pandangan mereka yang sangat berharga dalam mengemudikan Bursa Malaysia untuk terus maju.

Kejayaan kami setakat ini adalah disebabkan hasil usaha tenaga kerja Bursa yang cemerlang yang telah bekerja tanpa mengira penat lelah untuk membawa kami ke tahap ini. Individu-individu yang berbakat dan komited ini terus memacu Bursa untuk merealisasikan impiannya untuk menjadi Bursa yang terkemuka di rantau ini dan sesungguhnya kami memuji usaha-usaha mereka .

Ketika pasukan di Bursa Malaysia bekerja keras untuk menyerlahkan potensi dalam pasaran modal Malaysia dengan memberi tumpuan ke atas penghasilan nilai daripada inisiatif-inisiatif lampau dan memacu pertumbuhan daripada peluang baharu, saya yakin pemegang kepentingan kami akan terus memberikan sokongan yang padu.

Kami merupakan pasaran yang sedang mara dan pasukan kami akan terus menetapkan minda dan tenaga kami untuk memenuhi misi dan visi kami. Terima kasih dan kami menanti kehadiran satu lagi tahun yang lebih memberangsangkan.